

# CUEPACS kecewa kaedah bayaran RM500 petugas KKM

Kesatuan minta beri kadar sama, hapus kerenah birokrasi tuntutan

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kecewa dengan kaedah pemberian bayaran *one-off* RM500 kepada petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) yang didakwa berlainan dengan yang diumumkan dalam Belanjawan 2021.

Presidennya, Adnan Mat, berkata ia berikutan pemberian bantuan itu mempunyai kadar dan kelayakan sangat berbeza berbanding diumumkan dalam Belanjawan 2021.

Katanya, melalui surat edaran dikeluarkan KKM pada 11 Februari lalu, kadar dan kelayakan bagi pemberian sekali bayaran ditetapkan pada kadar penuh RM500 dan kadar separuh RM250.

"Petugas KKM hanya layak mendapat kadar penuh RM500 jika dibayar Elaun Khas COVID-19 tahun lalu pada kadar penuh selama tiga bulan atau lebih, manakala mereka yang menerima elaun kurang daripada



Bayaran RM500 kepada semua petugas barisan hadapan KKM sebagai tanda penghargaan menangani penularan COVID-19. (Foto hiasan)

tiga bulan atau kadar separuh, hanya layak menerima separuh iaitu RM250.

"Lebih mengecewakan petugas barisan hadapan ini apabila mereka perlu membuat tuntutan secara manual dengan mengisi borang tuntutan.

"Kini pemberian *one-off* yang diumumkan untuk diberikan kepada semua petugas barisan hadapan KKM juga mahu diremehkan dengan pelbagai syarat dan kerenah birokrasi.

"CUEPACS berharap isu ini dapat diselesaikan dengan segera supaya petugas barisan hadapan dapat fokus kepada khidmatnya kepada rakyat dan

negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2021 tahun lalu, kerajaan mengumumkan pemberian sekali bayaran sebanyak RM500 kepada semua petugas barisan hadapan KKM sebagai tanda penghargaan menangani dan membendung penularan COVID-19.

Keputusan kerajaan memberikan bantuan berbentuk sekali bayaran itu bagi menyuntik semangat barisan hadapan KKM yang sekian lama berjuang tanpa henti menangani dan membendung penularan COVID-19 sejak awal tahun lalu lagi.

Adnan berkata, tindakan membezakan pemberian bayaran kepada dua kadar berbeza hanya bersandarkan kepada status penerima Elaun Khas COVID-19 ini tidak adil.

"Walaupun petugas itu tidak mendapat tuntutan penuh Elaun Khas COVID-19, ia tidak bermakna petugas kurang memberikan sumbangan.

"Sepanjang pandemik melanda, ia mengakibatkan penambahan beban tugas kerana tugas hakiki juga perlu diutamakan selain tugas berkaitan COVID-19.

"Sudah tentu penggiliran tugas ini menyebabkan jumlah hari penugasan melawan COVID-19 mungkin tidak sampai 15 hari untuk melayakkan mendapat tuntutan penuh Elaun Khas COVID-19," katanya.

Justeru katanya, CUEPACS menggesa KKM memansuhkan semua syarat dan kelayakan ditetapkan dalam pemberian bayaran ini kepada petugas barisan hadapan.

"Kami berpendapat semua petugas KKM yang dikategorikan sebagai barisan hadapan dan bertungkus-lumus menangani pandemik COVID-19 layak diberi RM500 tanpa mengambilkira syarat tambahan.

"KKM perlu menyerahkan kuasa kepada ketua jabatan untuk menentukan siapa barisan hadapan yang layak menerima bayaran RM500 terutama pasukan barisan hadapan yang ditetapkan jabatan masing-masing," katanya.